

NO. SOALAN : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 11 MAC 2015

RUJUKAN : 7494

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) keberkesanan JPN Bergerak di Sarawak terutama di Sibui;
dan
- (b) jangka masa yang diambil untuk memproses permohonan surat kelahiran dan kad pengenalan bagi rakyat di kawasan pedalaman terutama kaum Iban yang lewat memohon surat kelahiran atau kad pengenalan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Program *Outreach* Jabatan Pendaftaran Negara merupakan suatu inisiatif Kerajaan untuk memberikan kemudahan kepada penduduk khususnya mereka yang berada di kawasan pedalaman dan berjauhan dari pejabat Jabatan Pendaftaran Negara bagi membolehkan mereka mengemukakan permohonan dokumen pengenalan diri. Program ini merangkumi Program MyDaftar, Program Pendaftaran Bergerak oleh Unit Khas Bergerak Sabah dan Sarawak serta Unit Mobile di Semenanjung Malaysia.

Bagi Program *Outreach* di negeri Sarawak, terdapat empat (4) Unit Khas Bergerak iaitu di Kuching, Kapit, Bintulu dan Miri yang telah diwujudkan serta telah berjaya melaksanakan sebanyak 608 operasi di seluruh negeri berkenaan dari tahun 2008 sehingga Februari 2015. Bagi daerah Sibu pula, Program *Outreach* ini akan dikendalikan oleh Unit Khas Bergerak yang berpangkalan di Kuching dan Bintulu. Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, Unit Khas Bergerak ini telah memberi banyak manfaat kepada penduduk di daerah Sibu dan didapati bahawa program ini telah mendapat reaksi yang positif dari kalangan masyarakat. Sejumlah 286 permohonan pendaftaran lewat kelahiran juga telah diproses oleh Unit Khas Bergerak.